

Khairy: Najib kini sudah pandai berkicau
MalaysiaKini.com
February 14, 2012
Nigel Aw

Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak cuba menjinakkan dirinya di alam Twitter, ramai warga maya berpendapat kicauannya amat janggal.

Jadual mesyuarat Najib, kata ahli parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin, bukan sesuatu yang pengguna media sosial mahu tahu.

"Apabila Perdana Menteri pertama kali menyertai media sosial, kicauannya di Twitter ringkas dan mudah, mesyuarat pada jam 4 petang. Jam 5 petang, mesyuarat dengan Presiden Bosnia, 6 malam pula pertemuan dengan kakitangan awam, jam 8 pula makan malam dengan dewan perniagaan..."

"Ramai antara kita memberi maklum balas menyatakan bahawa kicauan seumpama itu adalah jenis interaksi yang salah dan pengguna media sosial tidak mahu tahu," kata Khairy, yang juga ketua Pemuda Umno dan pengguna tegar Twitter.

Namun, menurut Khairy, selepas teguran pengguna media sosial, kicauan perdana menteri bertambah menarik dan sehingga hari ini beliau telahpun mempunyai 400,000 pengikut.

Bercakap pada forum bertajuk "Cabaran dan Impak Media Sosial ke atas Politik Malaysia" pada Persidangan Blogger Dunia dan Media Sosial di Kuala Lumpur semalam, Khairy berkongsi pengalamannya kepada rakan-rakan ahli politik mengenai penggunaan media sosial yang betul.

"Mereka (pengguna media sosial) mahu tahu apa yang mencerminkan diri anda, kadang-kadang mereka boleh menerima jika kita berkicau mengenai kempen politik di kawasan kita, tetapi pada akhirnya, mereka tetap mahu tahu pasukan bola sepak mana yang kita sokong, pemikiran atau pandangan kita mengenai isu-isu atau jua filem tertentu," katanya.

Dengan nada yang serius, Khairy berkata kemunculan media sosial juga bermakna bahawa orang ramai mahukan ahli-ahli politik bertindak balas dengan serta-merta berhubung sesuatu isu.

"Ahli-ahli politik sebelum ini memerap sesuatu isu sehingga dua atau tiga hari, tetapi hari ini, mereka perlu memberi jawapan pada kadar segera.

"Namun, ada juga ahli politik yang gagal memberikan jawapan dengan segera dan mereka menerima akibatnya.

"Menurut pengguna media sosial, 'kami telah menunggu berjam-jam, tetapi ahli politik sudah biasa untuk menunggu sehari-hari (sebelum memberikan reaksi)'," katanya.

Antara contoh, Khairy berkata, apabila pembangkang membuat andaian bahawa dana RM1.5 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan disalurkan terus kepada peminjam bagi membeli rumah.

"Jika kita lihat komen-komen, hampir sebahagian besar rakyat menentanginya, tetapi apabila saya jelaskan bahawa dana itu akan disalurkan melalui agensi kerajaan dan ia dijamin oleh kerajaan (bukannya kepada peminjam), maka isu itu berakhir," katanya.